



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TINGKAH LAKU DEVIAN DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4 DI SMK MELUGU SRI AMAN, SARAWAK

**NAQSYUWANDI BIN JERAEE
(M20131000219)**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Kertas cadangan penyelidikan ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Pendidikan
(Sosiologi Pendidikan)**

**FALKUTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK

**JUDUL : TINGKAH LAKU DEVIAN DALAM KALANGAN PELAJAR
TINGKATAN 4 DI SMK MELUGU SRI AMAN, SARAWAK**

SESI PENGAJIAN : 2013 – 2015

Saya NAQSYUWANDI BIN JERAE

Mengaku membenarkan projek (PSM/ Sarjana / ~~Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan syarat-syarat kebenaran seperti berikut:

1. Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan projek ini sebagai bahan pertukaran antara pusat pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (/)

SULIT Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI (1972)

TERHAD Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan

TIDAK TERHAD

.....
(TANDATANGAN PENULIS)

.....
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

No 22 Kampung Tengah Sri Aman,
95000 Sri Aman, Sarawak

Nama Penvelia:

Professor Madya Dato' Dr Abdul Latif Haji Gapor

Tarikh: 31 Disember 2014

Tarikh: 31 Disember 2014

Catatan : * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika projek ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh projek ini perlu dikelaskan sebagai projek SULIT atau TERHAD. ☐ Projek dimaksudkan sebagai Projek bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertasi agi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan
pada pandangan saya, karya ini adalah memadai
dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan (Sosiologi Pendidikan)”.

Tanda tangan :

Nama Penyelia : Professor Madya Dato’ Dr Abdul Latif Haji Gapor

Tarikh : 31 Disember 2014



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TINGKAH LAKU DEVIAN DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4 DI SMK MELUGU SRI AMAN, SARAWAK

NAQSYUWANDI BIN JERAAE



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Kertas cadangan penyelidikan ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Sosiologi Pendidikan)**

**FALKUTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :.....

Nama Penulis : Naqsyuwandi Bin Jeraee

Tarikh : 31 Disember 2014

DEDIKASI

Khas buat kedua ibu bapa,
terima kasih di atas segala pengorbanan, doa,
didikan dan asuhan kalian terlalu bermakna buat anakmu

Buat isteri tersayang, Sh Faizah Bt Wan Ismail,
terima kasih di atas segala pengorbanan dan kesabaranmu

Buat anak-anakku,
Wardina, Farihin Fitri dan Ahmad Faris
Berusahalah mengejar ilmu
Agar berjaya di dunia dan akhirat

Buat Pensyarah Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia
Profesor Dr Amir Hasan Dawi, profesor Madya Dato' Dr Abdul Latif Hj Gapor
dan semua pensyarah yang telah membimbing saya
sepanjang pengajian di atas tunjuk ajar yang diberi

Buat rakan-rakan kursus Sarjana Sosiologi Pendidikan
Terima kasih di atas segala bantuan, sokongan dan tunjuk ajar

Buat rakan sekerja Wilson Risit, Abang Zulhilmi, Lee Chee Kean, Tay Guan Piang,
rakan sekerja dan pihak sekolah
Allah jua yang membalas segala budi dan jasa kalian.



PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan keizininannya dapat saya menyiapkan laporan Projek Sarjana ini sebagai latihan ilmiah dengan jayanya. Dengan sempurnanya penyelidikan ini, saya dengan rasa rendah hati dan tulus ikhlas merakamkan penghargaan kepada penyelia projek sarjana saya iaitu Profesor Madya Dato Dr. Hj. Abdul Latif Hj Gapor atas segala bimbingan, tunjuk ajar, teguran, nasihat dan sepanjang menjalani dan menulis laporan penyelidikan ini. Kepada sekolah SMK Melugu yang merupakan tempat kajian dilakukan, Kepada keluarga tercinta yang sentiasa memberikan dorongan dalam meniti perjuangan menuntut ilmu ini, saya berdoa agar keutuhan keluarga akan kekal ke akhir hayat. Akhir sekali penghargaan ini ditujukan juga buat semua rakan seperjuangan yang banyak membantu dalam perbincangan untuk menyediakan laporan projek ini.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti permasalahan tingkah laku devian yang berlaku di kalangan pelajar di salah sebuah sekolah di daerah di Sarawak iaitu Daerah Sri Aman. Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif deskriptif dan responden kajian ini adalah seramai 6 orang guru dan 8 orang pelajar yang terpilih sebagai sampel. Soalan temu bual digunakan sebagai instrumen kajian. Soalan temu bual yang diedar mengandungi 21 item, namun penyelidik hanya lebih memfokuskan kepada jenis-jenis tingkah laku devian pelajar di dalam kelas, punca-punca berlakunya tingkah laku devian pelajar di dalam kelas, dan strategi yang perlu dikenal pasti oleh guru untuk menangani masalah tingkah laku devian di dalam kelas semasa pdp. Data yang diperolehi di analisa secara manual menerusi analisis interpretasi kod dan ditafsir dengan cara tafsiran kod. Terdapat juga beberapa statistik daripada dokumen asal di analisis secara manual. Dapatan kajian ini telah mengenal pasti beberapa aspek penting mengenai masalah gejala sosial dikalangan pelajar di sekolah di Daerah Sri Aman Sarawak. Hasil statistik yang dikeluarkan menjadi penyokong bagi dapatan yang telah diperolehi dan mempunyai beberapa persamaan daripada jawapan persoalan kajian temubual yang dijalankan. Ini menunjukkan hasil keseluruhan aspek-apsek yang dikaji membuktikan masalah tingkah laku devian di kalangan pelajar di SMK Melugu Sri Aman, Sarawak berada pada tahap sederhana namun perhatian perlu diberi agar tingkah laku ini tidak akan menjadi lebih serius.





ABSTRACT

The research carried out is to identify matters arise from the deviant behaviors among students in one of the schools in the districts in Sarawak, in which the district involved in this research, Sri Aman. This research is carried out in the form of qualitative descriptive research and as many as 6 teachers and 8 students were chosen to be respondent of this research. Questionnaire is used as the research's instrument. This questionnaire consists of 21 items, somehow researcher only focus on a few aspects, in which types of deviant behaviors of students in class, causes to students' deviant behaviors, and strategies used by teachers in order to tackle students' deviant behaviors in class during the process of Learning and Teaching. Data collected is analyzed manually through Open Coding and is interpreted by code interpretation method. At the same time, there are a few statistics from its original documents that are analyzed manually as well. Findings of the research identify a few important aspects regarding social illness among students in school in the district of Sri Aman, Sarawak. Statistics produced are used as a support document to the findings of research and it is found out that there are similarities to the responses given in the questionnaire distributed during interview sessions. As the whole, the research done shows that deviant behaviors among students in SMK Melugu Sri Aman, Sarawak are at a controlled level but still, the matters are to be given attention before it becomes critical.



KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	viii
	SENARAI RAJAH	ix
	SENARAI SINGKATAN	x
	SENARAI LAMPIRAN	x
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Kepentingan Memahami Tingkah laku Devian	3
	1.3 Penyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Kepentingan Kajian	10

1.6.1	Guru	10
1.6.2	Pengurusan sekolah	11
1.7	Definisi Konsep	12
1.7.1	Tingkah Laku	12
1.7.2	Devian	12
1.7.3	Pelajar	13
1.7.4	Bilik Kelas	14
1.8	Definisi Operasional	15
1.8.1	Tingkah Laku Devian	15
1.8.2	Pengurusan Sekolah	15
1.8.3	Guru	17
1.9	Batasan Kajian	18
1.10	Pendekatan Teori	19
1.10.1	Teori Fungsionalisme	20
1.10.2	Teori Interaksionalisme Simbolik	22
1.11	Kerangka kajian	23
1.12	Rumusan	26

2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	28
2.2	Kajian lepas dalam negara	29
2.3	Kajian lepas punca dan menangani tingkah laku devian	31
2.4	Kajian luar negara	33
2.5	Kajian berkaitan Teori Fungsionalisme dan Interaksionalisme Simbolik	36
2.6	Rumusan	40

3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	43
3.2	Reka bentuk kajian	44

3.3 Responden	47
3.4 Tempat Kajian	48
3.5 Instrumen Kajian	48
3.5.1 Analisis Dokumen	49
3.5.2 Temu bual	51
3.5.3 Pemerhatian	53
3.5.4 Tujuan Pemerhatian	53
3.5.5 Struktur Pemerhatian	54
3.6 Aspek Trangulasi	56
3.7 Pengumpulan Data	56
3.8 Kaedah Penganalisan Data	57
3.9 Kesahan dan Kebolehpercayaan	58
3.10 Rumusan	60

4 ANALISIS DATA

4.1 Pengenalan	61
4.2 Analisis Persoalan Kajian	62
4.2.1 Analisis Persoalan kajian 1	62
4.2.2 Analisis Persoalan Kajian 2	63
4.2.3 Analisis Persoalan Kajian 3	65
4.3 Analisis Pemerhatian	67
4.3.1 Jenis-Jenis Tingkah Laku Devian Pelajar Dalam kelas	67
4.4 Analisis Dokumen	79
4.4.1 Statistik Jenis Salah Laku Pelajar Mengikut Jantina	79
4.4.2 Statistik Kekerapan Salah Laku Pelajar	85
4.4.3 Rumusan keseluruhan	91
4.5 Trangulasi Kajian	94
4.6 Rumusan	95

5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	96
5.2 Ringkasan Kajian	97
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian Tingkah Laku Devian Dalam Bilik kelas Pelajar Tingkatan Empat	97
5.4 Perbincangan Dapatan Kajian Punca-Punca Berlakunya Tingkah Laku Devian Dalam Bilik Kelas	100
5.4.1 Faktor Guru	101

5.4.2	Faktor Pelajar	105
5.4.3	Faktor Persekitaran	106
5.5	Perbincangan Dapatan Kajian Strategi-Strategi Dalam Menangani Tingkah Laku Devian Dalam Bilik Kelas	107
5.6	Implikasi kajian	117
5.7	Implikasi Teori	124
5.8	Cadangan Kajian	139
5.9	Rumusan	140
	BIBLIOGRAFI	142
	LAMPIRAN	
	LAMPIRAN A	148
	LAMPIRAN B	149
	LAMPIRAN C	151
	LAMPIRAN D	157
	LAMPIRAN E	173
	LAMPIRAN F	181
	LAMPIRAN G	188
	LAMPIRAN H	191

SENARAI JADUAL

NO JADUAL SURAT	TAJUK	MUKA
3.1	Jadual Persoalan Kajian	49
3.2	Jadual Fasa Kajian	57
4.1	Jadual Hasil Temu Bual Tingkah Laku Pelajar Dalam Kelas	62
4.2	Jadual Pemerhatian Tingkah Laku Devian Pelajar Dalam Kelas	63
4.3	Jadual Punca-Punca Berlakunya Tingkah Laku Devian Pelajar Dalam Kelas	64
4.4	Analisis Daripada Hail Temu Bual Bersama Guru Matapelajaran Tingkatan 4 Ikhlas	66
4.5	Analisis Daripada Hasil Temu Bual Bersama Pelajar Tingkatan 4 Ikhlas	66
4.6	Strategi Dan Pendekatan Yang Dicadangkan	66
4.7	Borang Pemerhatian Tingkah Laku Devian Pelajar 1 Dalam Kelas Semasa Guru Mengajar	67
4.8	Borang Pemerhatian Tingkah Laku Devian Pelajar 2 Dalam Kelas Semasa Guru Mengajar	68
4.9	Borang Pemerhatian Tingkah Laku Devian Pelajar 3 Dalam Kelas Semasa Guru Mengajar	70
4.10	Borang Pemerhatian Tingkah Laku Devian Pelajar 4 Dalam Kelas Semasa Guru Mengajar	71
4.11	Borang Pemerhatian Tingkah Laku Devian Pelajar 5 Dalam Kelas Semasa Guru Mengajar	73

4.12	Borang Pemerhatian Tingkah Laku Devian Pelajar 6 Dalam Kelas Semasa Guru Mengajar	74
4.13	Borang Pemerhatian Tingkah Laku Devian Pelajar 7 Dalam Kelas Semasa Guru Mengajar	76
4.14	Borang Pemerhatian Tingkah Laku Devian Pelajar 8 Dalam Kelas Semasa Guru Mengajar	77
4.15	Borang Analisis Dokumen Salah Laku Pelajar Dalam Kelas Semasa Pdp Dalam Buku Rekod KMDK Tahun 2014	91
5.1	Transkrip Temu Bual Pelajar	98
5.2	Strategi dan Pendekatan Yang Dicadangkan	108

SENARAI RAJAH

NO RAJAH SURAT	TAJUK	MUKA
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	23
4.1	Faktor Tingkah Laku Devian Pelajar Tingkatan 4 Ikhlas Semasa pdp	64
4.2	Kekerapan Jenis Tingkah Laku Devian Bagi 10 Kali Pemerhatian Pelajar 1	67
4.3	Kekerapan Jenis Tingkah Laku Devian Bagi 10 Kali Pemerhatian Pelajar 2	69
4.4	Kekerapan Jenis Tingkah Laku Devian Bagi 10 Kali Pemerhatian Pelajar 3	70
4.5	Kekerapan Jenis Tingkah Laku Devian Bagi 10 Kali Pemerhatian Pelajar 4	72
4.6	Kekerapan Jenis Tingkah Laku Devian Bagi 10 Kali Pemerhatian Pelajar 5	73
4.7	Kekerapan Jenis Tingkah Laku Devian Bagi 10 Kali Pemerhatian Pelajar 6	75
4.8	Kekerapan Jenis Tingkah Laku Devian Bagi 10 Kali Pemerhatian Pelajar 7	76
4.9	Kekerapan Jenis Tingkah Laku Devian Bagi 10 Kali Pemerhatian Pelajar 8	78
4.10	Analisis Dokumen Salah Laku Bulan Januari	79
4.11	Analisis Dokumen Salah Laku Bulan Februari	80
4.12	Analisis Dokumen Salah Laku Bulan Mac	81
4.13	Analisis Dokumen Salah Laku Bulan April	82
4.14	Analisis Dokumen Salah Laku Bulan Mei	83

4.15	Analisis Dokumen Salah Laku Bulan Jun	84
4.16	Peratus Salah Laku Pelajar Dalam Kelas Bulan Januari	85
4.17	Peratus Salah Laku Pelajar Dalam Kelas Bulan Februari	86
4.18	Peratus Salah Laku Pelajar Dalam Kelas Bulan Mac	87
4.19	Peratus Salah Laku Pelajar Dalam Kelas Bulan April	88
4.20	Peratus Salah Laku Pelajar Dalam Kelas Bulan Mei	89
4.21	Peratus Salah Laku Pelajar Dalam Kelas Bulan Jun	90
4.22	Kekerapan Salah Laku Pelajar Mengikut Bulan	91

SENARAI SINGKATAN

Pdp	Pembelajaran dan pengajaran
KMDK	Keberadaan Murid Dalam Kelas

SENARAI LAMPIRAN

BIL SURAT	LAMPIRAN	MUKA
A	Surat Pengesahan Kajian	148
B	Carta Gantt dan Pelan Tindakan	149
C	Soalan Temu bual	151
D	Transkrip	157
E	Borang Pemerhatian	173
F	Borang Analisis Dokumen	181
G	Borang Trangulasi Kajian	188
H	Data PDRM Statistik Jenayah Yang melibatkan Pelajar Atau Remaja Di Daerah Sri Aman Bagi Tahun 2013 Hingga Ogos 2014	191

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pelajar merupakan aset penting bagi kesinambungan pimpinan negara pada masa depan. Pelbagai harapan diletakkan agar mereka berupaya menjadi individu yang berguna serta mampu menyumbang ke arah kesejahteraan negara secara keseluruhannya. Namun pada realitinya, kini pelbagai pihak mula menaruh kebimbangan tentang berbagai gejala sosial yang melanda pelajar dan seterusnya meruntuhkan akhlak pelajar masa kini. Sama ada disedari atau tidak, perkembangan gejala-gejala sosial ini semakin meningkat dari hari ke hari. Setiap hari kita dipaparkan berbagai cerita tentang pelbagai salah laku yang dilakukan oleh pelajar

baik salah laku yang kecil mahu pun besar. Ini turut menggambarkan betapa seriusnya fenomena ini dan langkah-langkah sewajarnya perlu diambil bagi membendungnya dari terus menjadi barah dalam masyarakat Malaysia.

Media-media massa sering kali menyiarkan pelbagai berita dan cerita tentang kenakalan pelajar sekolah dan pelbagai masalah sosial yang membabitkan mereka. Masalah ini turut membimbangkan pelbagai pihak, khususnya kerajaan, masyarakat, guru dan ibu bapa sendiri. Berita Harian.net melaporkan susulan tersebarnya rakaman aksi buli sekumpulan pelajar perempuan di media sosial, kini pihak polis telah mengesahkan siasatan berhubung insiden buli membabitkan sekumpulan pelajar perempuan itu yang membelasah seorang pelajar lain. Cerita tentang masalah devian ini tidak dipandang mudah kerana masalah tersebut telah melarat dan pelajar semakin berani melakukan sesuatu sesuka hati tanpa memikirkan keburukannya.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam akhbar tempatan (Kosmo 16 Disember 2013) melaporkan sebanyak 108, 650 daripada 5.3 juta pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah tahun 2013. Isu ponteng sekolah merupakan penyumbang terbesar salah laku disiplin iaitu 18,550 pelajar. Kes-kes disiplin lain yang dicatatkan oleh kementerian ialah memukul, bergaduh dan kekemasan diri. Walaupun jumlah pelajar yang melakukan kesalahan disiplin hanyalah sedikit, sekiranya tidak diberi perhatian serius, ia boleh menjadi masalah parah. Dalam mengatasi, masalah disiplin melibatkan pelajar sekolah, kementerian telah melakukan pelbagai inisiatif termasuklah menjalankan satu kajian terperinci mengenai punca sebenar berlakunya gejala ponteng

sekolah tahun ini. Kes ini turut menimbulkan rasa kebimbangan di kalangan ibu bapa terhadap aspek keselamatan anak anak mereka di sekolah.

1.2 Kepentingan Memahami Tingkah Laku Devian

Sememangnya kita harus memahami masalah tingkah laku devian dalam kalangan pelajar sekolah masa kini. Pelbagai masalah dan tingkah laku sering kita dengar dari media massa yang menunjukkan bahawa masalah devian dalam kalangan pelajar sekolah haruslah dibendung. Tanggungjawab dan perhatian semua pihak dituntut bersama untuk menangani masalah tersebut kerana pelajar masa kini adalah generasi penerus kepada kepimpinan negara kita. Pengurusan sekolah, guru, dan ibu bapa perlu memainkan peranan masing-masing bagi menangani masalah devian dalam kalangan pelajar.

Pengurusan sekolah merupakan ketua pemimpin di sekolah sebagai ketua menerajui sebuah sekolah yang diterajuinya perlu menjadi penggerak kepada pembentukan sahsiah pelajar yang baik dari segi disiplin dan cemerlang dari segi akademik. Sudah menjadi tanggungjawab pengurusan sekolah untuk mewujudkan budaya sekolah yang baik dari segi sahsiah pelajarnya yang baik agar sekolah akan dapat menjadi sebuah institusi yang tidak membosankan untuk pelajar dan memastikan pembelajaran dan pengajaran berjalan dengan lancar.

Guru sekolah merupakan agen penyebar maklumat serta agen pembentukan sahsiah pelajar di sekolah. ini kerana guru merupakan organisasi yang bersama membantu pengurusan sekolah dalam mendidik pelajar dan membentuk sahsiah diri

pelajar yang baik dan berguna. Oleh itu, guru perlu menjadi seorang yang berdedikasi dengan tugas dan sentiasa bijak menerapkan pendekatan yang sesuai dalam pengajaran mereka di bilik kelas. Pengajaran yang menyeronokkan sudah pasti kawalan kelas dapat dikawal seterusnya pelajar sentiasa fokus dan tidak menjadikan mereka menimbulkan masalah dengan tingkah laku yang tidak baik.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Sektor Pembangunan Kemanusiaan, Unit hal ehwal murid Kementerian Pendidikan Malaysia, menunjukkan bilangan kes disiplin murid sekolah rendah dan sekolah menengah 2012 masing-masing menunjukkan jumlah 26.91% bagi sekolah rendah, 73.09% bagi sekolah menengah. Ini menunjukkan bahawa kes disiplin begitu tinggi pada peringkat sekolah menengah. Pihak KPM meletakkan KPI disiplin dikurangkan sebanyak 0.02% daripada 0.77% pada tahun 2011 kepada 0.75% pada tahun 2012. Pencapaian sebenar diperolehi adalah pengurangan sebanyak 0.37% melepasi KPI yang ditetapkan. Namun demikian masalah tingkah laku ini masih berterusan dan sentiasa perlu dikawal. Sebagai seorang pendidik, menjadi peranan kita untuk mengawal kes disiplin itu di sekolah. (Sumber Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025, Transformasi asrama harian 2013-2020, Kementerian Pendidikan Malaysia)

Kenyataan Wan Zain Syed Mohdzar merupakan Yang Dipertua Mimbar Permuafakatan Ibu Bapa dan guru Malaysia (MAPIM) Sarawak menyatakan bahawa ibu bapa harus tahu sikap anak-anak mereka semasa berada di sekolah. Kita bimbang jika pelajar sekolah bertindak alam samseng di sekolah sedangkan ibu bapa tidak tahu

perkara ini. Maka semua pihak akan menunding jari kepada pihak sekolah. Ibu bapa tidak harus melepaskan tanggungjawab mendidik anak-anak kepada para guru, sebaliknya ia bermula dari rumah. Tidak ada sekolah di Malaysia yang mengajar anak-anak menjadi samseng atau gengster sebaliknya sikap terbabit mungkin disebabkan pengaruh dari luar atau kebebasan bergaul anak-anak. Sarawak digemparkan dengan insiden pergaduhan pelajar sekolah di salah sebuah sekolah Kota Samarahan dengan penyebaran video insiden dalam laman youtube. Video yang berdurasi selama 1 minit 17 saat itu menyaksikan seorang pelajar perempuan dibelasah sekumpulan pelajar perempuan lain. (Borneo Post 5 Jun 2014).

Berdasarkan kenyataan ini sebagai guru atau pendidik menjadi tanggungjawab mereka juga untuk bersama mengurangkan masalah tingkah laku devian pelajar ini daripada terus parah. Di sekolah guru memainkan peranan sendiri dengan memastikan setiap aspek perkembangan sahsiah pelajar dipantau dan diketahui dan daripada kenyataan ini juga guru sekurang-kurangnya mengetahui faktor yang menyumbang kepada tingkah laku devian pelajar dan boleh menyelidik perkaitannya dengan salah laku yang timbul di dalam kelas semasa pdp guru.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Dr Wee Ka Siong berkata, seramai 110,218 pelajar terbabit dengan salah laku disiplin sepanjang tahun 2011 dengan 72,873 daripadanya pelajar sekolah menengah manakala bakinya murid sekolah rendah, secara keseluruhan statistik itu menunjukkan penurunan iaitu pada kadar 2.05 peratus berbanding 2.06 peratus pada 2010, malah purata kadar salah laku disiplin murid yang direkodkan dalam tempoh lima tahun ini 2.07 peratus setahun. “Kes disiplin berkenaan termasuk kes berat seperti kelakuan berunsur kekerasan, biadab,

kelucahan, ponteng sekolah serta kes disiplin ringan seperti kekemasan diri, tidak pentingkan masa dan kurang sopan. “Hal ini menunjukkan sekitar dua hingga tiga peratus bilangan murid yang masih perlu diberi perhatian sewajarnya,” Mesyuarat selama tiga jam itu meneliti isu berkaitan disiplin pelajar serta membincangkan strategi dan pelaksanaan program bagi tahun ini. (Harian Metro:18 Januari 2012)

Selain itu, masalah disiplin di kalangan pelajar ini juga telah dibuktikan dengan kes buli terkini yang dilakukan sekumpulan pelajar Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan Oya, Dalat, Mukah, Sarawak yang disiarkan di laman web youtube telah mencabar kewibawaan Kementerian Pelajaran sehingga Ketua Pengarah Datuk Alimudin Mohd Dom terpaksa turun padang bagi menyelesaikan masalah tersebut. Tahap disiplin yang membimbangkan ketika ini menyebabkan Kementerian Pelajaran mengadakan perbincangan dua hala dengan pihak polis bagi mencari jalan menangani kes berkenaan agar tidak berlarutan. Mungkin sesetengah pihak terutama ibu bapa menganggap disiplin pelajar tanggungjawab sekolah, manakala guru pula mengharapkan ibu bapa yang sepatutnya mendisiplinkan anak mereka. Sekiranya masalah ini berterusan kemungkinan pelajar akan semakin berani untuk melakukan masalah disiplin di sekolah bahkan berlakunya masalah diluar sekolah.

(Berita Harian: 8 Mac 2009)

Satu kes buli yang dilaporkan pada bulan Februari 2009 di sebuah sekolah di Kuala Lumpur iaitu Sekolah Menengah di Cheras. Kejadian tersebut akibat daripada perebutan seorang gadis dipercayai menjadi punca sekumpulan 24 remaja membelasah seorang pelajar tingkatan empat sehingga koma. Mangsa, Mohd Azlin Mohamad, 16, cedera teruk di belakang kepala apabila lima lelaki daripada kumpulan

itu disyaki memukulnya dengan besi, topi keledar dan pengunci motosikal selain menendang tanpa belas kasihan. Kumpulan lelaki itu, termasuk beberapa pelajar sekolah tersebut melarikan diri meninggalkan mangsa berlumuran darah di tempat kejadian. Dalam kejadian jam 9.30 malam, Mohd Azlin Mohamad bersama beberapa rakannya menunggu di depan sekolah berkenaan untuk menyelesaikan masalah dengan seorang remaja lelaki yang dikatakan keluar bersama teman wanitanya. Berikutan dengan kejadian tersebut, Timbalan Ketua Polis Daerah Cheras, Superintendan Abd Rahim Hamzah Othman, berkata polis sudah mengenal pasti dua individu daripada kumpulan lelaki itu berdasarkan soal siasat dijalankan dan kes itu disiasat mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan. (Harian Metro : 19 Februari 2009).

Kes yang melibatkan masalah devian dalam kalangan pelajar ialah kes buli budak perempuan di sebuah sekolah di Sarawak. Ini menunjukkan tingkah laku devian ini menjadi jadi dalam kalangan pelajar kerana sanggup berkelakuan yang menyimpang dari norma kehidupan sebenar. Mereka merasakan satu keseronokan untuk membuli. Selain itu juga terdapat berita guru disiplin cedera dibelasah oleh 10 orang pelajar lelaki yang tidak berpuas hati dengan teguran guru dengan membuat bising dalam kelas. Tindakan ala samseng kumpulan pelajar itu jelas menunjukkan masalah devian ini harus dipandang serius. Melihat kepada masalah ini, kajian saya cuba untuk mengenal pasti pendekatan yang sesuai bagi menangani masalah devian dalam kalangan pelajar sekolah. (Berita Harian.net)

Statistik jenayah yang melibatkan pelajar atau remaja di daerah Sri Aman bagi tahun 2013 menunjukkan bahawa pelajar dalam lingkungan 12 hingga 16 tahun dan 17 hingga 21 tahun masing-masing mencatatkan bilangan 10 dan 11 kesalahan laku

jenayah yang dilaporkan oleh pihak sekolah kepada pihak polis. Jenayah pada tahun tersebut hanya dilakukan oleh pelajar lelaki. Statistik jenayah bagi tahun 2014 sehingga Ogos sahaja telah menunjukkan penurunan jenayah bagi pelajar yang berumur 12-16 tahun hanya mencatatkan jumlah sebanyak 2 sahaja. Manakala pelajar yang berumur 17 hingga 21 tahun memperlihatkan satu peningkatan seramai 16 orang dan terdapat satu salah laku jenayah oleh pelajar perempuan. Ini menunjukkan bahawa salah laku jenayah dalam kalangan pelajar sekolah perlulah diberi perhatian agar tidak menular kepada satu kes jenayah yang lebih serius. (Laporan statistik jenayah yang pelajar sekolah di Daerah Sri Aman bagi tahun 2013 hingga Ogos 2014, Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia, Sri Aman)

Kadar peningkatan tingkah laku devian dalam kalangan pelajar remaja sejak akhir-akhir ini merupakan fenomena yang amat membimbangkan semua pihak. Peningkatan yang ketara ini membayangkan bahawa sebahagian pelajar sekolah kini sedang mengalami masalah gejala sosial yang melambangkan keruntuhan akhlak mereka. Melihat kepada masalah ini, tindakan dan pengawalan aktiviti pelajar sudah dirasakan amat perlu bagi membendung fenomena ini dari terus meningkat pada masa masa akan datang.

Gejala keruntuhan akhlak dan tingkah laku devian di kalangan pelajar seringkali dikaitkan dengan faktor kawalan di sekolah oleh pihak guru. Malah pihak sekolah selalu dijadikan alasan atas kegagalan mendidik pelajar di sekolah. Masalah devian dalam kalangan pelajar sekolah merupakan masalah bersama yang perlu diatasi oleh semua pihak antaranya pihak sekolah, ibu bapa, masyarakat dan negara.

Kajian ini cuba memfokuskan kepada mengenal pasti jenis-jenis devian yang dilakukan oleh pelajar di dalam kelas dan punca-punca berlakunya devian dalam kalangan pelajar di dalam kelas. Pelbagai peristiwa tingkah laku devian yang dilakukan oleh pelajar sekolah mendorong saya untuk mengkaji serta mencari jawapan untuk sekurang-kurangnya boleh mengurangkan masalah devian dalam kalangan pelajar di sekolah.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan yang dibincangkan, secara keseluruhan objektif kajian adalah untuk mengenal pasti jenis devian, punca berlakunya tingkah laku devian dan pendekatan menangani masalah devian dalam kalangan pelajar di sekolah.

secara khusus, objektif kajian adalah:

- a. Mengetahui jenis devian yang dilakukan oleh pelajar dalam sebuah kelas tingkatan 4.
- b. Mengetahui punca tingkah laku devian pelajar dalam sebuah kelas tingkatan 4.
- c. Mengetahui pendekatan yang perlu digunakan oleh guru dalam menangani devian di dalam kelas.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah:

- a. Apakah jenis devian yang berlaku dalam kalangan pelajar dalam sebuah kelas tingkatan 4?
- b. Apakah punca tingkah laku devian pelajar di dalam sebuah kelas tingkatan 4?
- c. Bagaimanakah pendekatan yang perlu digunakan oleh guru dalam menangani devian pelajar di dalam kelas?

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian yang dikaji ini adalah amat penting untuk pihak pengurusan sekolah dan para guru. Ini kerana hasil dapatan yang diperolehi nanti dapat menjadi panduan serta rujukan kepada pengurusan sekolah dan guru untuk menangani masalah tingkah laku devian dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

1.6.1 Guru

Peranan guru dalam mendidik pelajar merupakan satu tanggungjawab yang begitu besar untuk dipikul. Kemenjadian pelajar sebagai insan yang cemerlang dari segi sahsiah, intelek dan jasmani bergantung kepada peranan guru dalam mendidik pelajar. Pelajar merupakan pelanggan kepada guru di sekolah. tidak ada pelajar maka tidak berfungsilah seorang guru di sekolah. pendekatan yang betul dan terbaik dapat dicapai oleh seseorang guru dalam

memastikan pelajar mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran dengan baik amat perlu supaya tidak timbul masalah devian dalam kalangan pelajar di dalam kelas.

Setiap pendekatan yang akan digunapakai dalam menangani devian pelajar di dalam kelas, guru perlu memahami dan mengenal pasti punca berlakunya devian dalam kalangan pelajar. Sekiranya guru dapat mengenal pasti punca berlakunya devian dalam kalangan pelajar maka sudah pasti guru dapat mengenal pasti pendekatan yang sesuai untuk menangani masalah devian pelajar berlaku. Kebijaksanaan guru dalam mengenal pasti punca berlakunya devian dalam kalangan pelajar dapat membantu guru mengurus pelajar seterusnya mengurangkan berlakunya devian pelajar di dalam kelas.

1.6.2 Pengurusan sekolah

Daripada hasil kajian ini, diharapkan pihak berkaitan khususnya pihak pengurusan sekolah berupaya membendung tingkah laku devian di kalangan pelajar-pelajar. Ini juga dapat membantu pihak pengurusan sekolah membendung gejala salah laku disiplin yang sememangnya menyukarkan perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan usaha ini, guru-guru akan dapat memberikan tumpuan seoptima yang mungkin terhadap proses penerapan ilmu terhadap pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran tanpa gangguan oleh masalah-masalah disiplin yang ditimbulkan oleh pelajar akibat tingkah laku devian mereka. Hasil kajian ini juga boleh digunakan oleh pihak pengurusan sekolah dalam merangka dan melaksanakan peraturan-

peraturan tertentu serta langkah-langkah keselamatan bagi mewujudkan suasana persekitaran sekolah yang kondusif dan selamat.

1.7 Definisi Konsep

Dalam kajian ini, beberapa istilah yang digunakan didefinisikan seperti berikut dan mengikut format Creswell (1994) dengan penomboran dan penggarisan pada istilah.

1.7.1 Tingkah laku

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2002), tingkah laku bermaksud kelakuan atau gerak geri, perbuatan dan perangai. Tingkah laku adalah interpretasikan dari pemikiran kepada satu tindak balas gerak geri sama ada gerak geri fizikal ataupun emosi seseorang.

1.7.2 Devian

“Salah laku atau devian merupakan bentuk tingkah laku yang menyimpang daripada norma-norma sosial masyarakat. Mereka yang devian adalah mereka yang melanggar peraturan. Para pelajar yang melanggar peraturan-peraturan sekolah digelar sebagai pelajar salah laku atau pelajar devian”, dalam buku Amir Hasan Dawi (2009)

“kelakuan yang melanggar jangkauan yang diinstitusikan, iaitu jangkauan yang dikongsi dan diiktiraf sebagai sah dalam sesuatu sistem sosial.” Menurut Albert Cohen, *Deviance and Control*, dalam buku Azizi Yahaya et, al ms 52-53

“kelakuan yang menyimpang secara signifikan daripada norma-norma dalam status sosial, ia tidak dapat dipelihara secara abstrak tetapi perlu dikaitkan dengan norma-norma yang dianggap oleh masyarakat sebagai munasabah dan morally binding bagi orang menduduki status yang berlainan.” Menurut Robert Merton, *Anomie and Social Structure*, dalam buku Azizi Yahaya et, al ms 52-53

Oleh itu jelas devian membawa maksud tingkah laku yang melanggar norma-norma masyarakat tertentu. Devian lebih merujuk kepada tingkah laku ini secara umum manakala delinkuen pula menumpukan sesuatu had umur yang lebih menumpukan pelajar sekolah dan belia.

1.7.2 Pelajar

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga. (2002) pelajar didefinisikan sebagai orang yang belajar di sekolah, maktab dan universiti. Dalam kajian ini, pelajar-pelajar yang dimaksudkan ialah pelajar-pelajar tingkatan 4 di sekolah menengah yang dikaji.

1.7.3 Bilik kelas

Bilik kelas bermaksud tempat berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran dan merupakan tempat terpenting yang perlu ada pada sekolah. ia juga merupakan medan perjuangan utama kerja seseorang guru. Kamus Dewan Edisi Ketiga. (2002).

Secara amnya, bilik kelas ialah bilik-bilik di sekolah yang melibatkan sekumpulan murid atau pelajar yang mengikuti pelajaran atau belajar sesuatu mata pelajaran yang di ajar oleh guru. Bagi konsep yang lebih luas, bilik kelas tidak semata-mata merupakan ruang untuk proses pengajaran dan pembelajaran, tetapi mencakupi pelajar-pelajar dan guru yang belajar dan mengajar serta berinteraksi antara satu sama lain di dalamnya.

Secara ringkasnya, dapat disimpulkan bahawa bilik kelas yang memiliki suasana persekitaran yang baik akan mempengaruhi corak pengajaran dan pembelajaran antara guru dan pelajar. Guru yang berkualiti mempunyai wawasan yang jelas serta peka terhadap segala perubahan yang dikehendaki oleh pengurusan atasan supaya tidak berlaku pembaziran waktu disebabkan berlakunya pemantauan yang efektif. Tugas guru bukan sahaja mendidik malahan lebih daripada itu sekiranya matlamat utama yang ingin dicapainya adalah melahirkan modal insan yang berkualiti dan berjaya di dunia dan akhirat. Oleh itu semua guru dan bakal guru haruslah menitikberatkan apa yang berkaitan dengan pengurusan bilik kelas dari segala aspek agar matlamat dan objektif pendidikan dapat dicapai.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Tingkah laku devian

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), tingkah laku devian didefinisikan sebagai perlakuan yang menyimpang atau melencong. Azizi et al (2005) Menyatakan bahawa tingkah laku devian membawa maksud tingkah laku yang melanggar norma-norma masyarakat tertentu. Ia juga ditakrifkan sebagai sebarang tingkah laku yang tidak memenuhi norma-norma sosial sesuatu kumpulan atau masyarakat (Rohana, 1996). Albert Cohen (Azizi et al, 2005) mentakrifkan tingkah laku devian sebagai kelakuan yang melanggar jangkauan yang diinstitusikan, iaitu jangkauan yang dikongsi dan diiktiraf sebagai sah dalam sesuatu sistem sosial. Tingkah laku devian dalam definisi operasional ini merujuk kepada tingkah laku devian pelajar yang dikesan berlaku dalam kelas yang dikaji. Tingkah laku devian tersebut akan dilihat dari segi punca pelajar bertingkah laku sedemikian. Adalah penting bagi penyelidik memahami tingkah laku devian terlebih dahulu agar mudah untuk mengenal pasti jenis devian yang dilakukan oleh pelajar di dalam kelas.

1.8.2 Pengurusan sekolah

Griffiths (1959) dalam buku bertajuk Administration Theory, menyatakan pengurusan adalah satu corak tingkah laku yang di dapati dalam semua organisasi manusia. Ia adalah proses yang mengatur dan mengawal sesuatu organisasi sosial itu. Druker (1945) dalam bukunya The practice of

Management menjelaskan pengurusan itu ialah sumber asas dan sumber yang paling berharga. Stoner (1984) mengatakan pengurusan ialah satu proses merancang, mengelola, memimpin, mengawal daya usaha ahli-ahli organisasi dan menggunakan sumber-sumber lain untuk mencapai matlamat yang ditentukan.

Dalam konteks pengurusan, pengurusan yang baik amat dihargai oleh sesuatu masyarakat. Jabatan Pendidikan dan sekolah tidak terlepas daripada mewujudkan pengurusan yang sihat. Kita seharusnya mengetahui cara-cara untuk mewujudkan konsep tersebut. Jadi pengurusan sekolah merupakan kepimpinan untuk memastikan sesebuah sekolah yang diterajui dapat dibentuk bagi memenuhi matlamat pendidikan kepada menjadi pengurusan sekolah yang terbaik dan cemerlang. Sebagai ketua dalam pengurusan sekolah seorang pengetua perlu memahami peranan dan tugasnya. Menurut Campbell, Bridges dan Nystrand (1977) dalam buku yang bertajuk *Introduction to Educational Administration* berpendapat pentadbiran pendidikan ialah satu proses untuk menyelaras usaha dalam kalangan berbagai-bagai anggota bagi memenuhi matlamat yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

Dalam kajian ini peranan pengetua dalam memastikan masalah tingkah laku devian dalam kalangan pelajar di dalam kelas amat diperlukan sebagai penggerak kepada golongan guru seperti sokongan terhadap menangani tingkah laku devian pelajar di dalam kelas. Oleh itu kepimpinan pengalaman pengetua amat dituntut agar masalah ini dapat di atasi bersama.

1.8.3 Guru

Berdasarkan ordinan Pendaftaran Guru-guru 1957, guru guru bererti:

1. Seseorang yang mengajar murid-murid di sebuah sekolah atau yang menyediakan atau mengeluarkan bahan-bahan pengajaran atau yang memeriksa kertas-kertas jawapan di sekolah-sekolah.
2. Seseorang yang mempunyai kelayakan yang ditentukan oleh Kementerian Pendidikan, sihat dari segi fizikal dan tidak pernah dihukum oleh mahkamah di bawah ordinan ini.

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, guru diberi pengertian berikut:

1. Mengajar murid di sesuatu institusi pendidikan.
2. Menyediakan atau mengeluarkan bahan pengajaran atau memeriksa jawapan yang dikembalikan, di bagi ataupun melalui pusat pendidikan jarak jauh.

Menurut Kamarudin (2004), guru merupakan tenaga pengajar dan perancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut strategi pengajaran yang sesuai.

Menurut Abu Bakar dan Ikhsan (2008), guru ialah teras kepada pelaksanaan proses pendidikan walaupun proses pendidikan itu boleh berlangsung tanpa guru. Guru berperanan sebagai role model kepada pelajar, pembentuk akhlak yang mulia, pakar pengetahuan yang dimilikinya serta mahir dalam beberapa kemahiran khususnya yang diajarkan kepada

pelajarnya. Dalam kajian ini, definisi guru boleh ditakrifkan sebagai pengurus pelajar dan juga pendidik yang menjalankan tugas mendidik pelajar dan memimpin pelajar kearah pengurusan sendiri yang berhemah dan bermatlamat.

Guru dalam definisi operasional ini adalah sebagai agen yang saya gunakan sebagai informan bagi menyelidik jenis devian dan punca devian dalam kalangan pelajar sekolah di dalam kelas. Seterusnya bersama-sama penyelidik untuk menentukan atau mencari pendekatan yang sesuai bagi menangani masalah devian dalam kalangan pelajar di dalam kelas. Ini kerana guru merupakan informan yang paling dekat dengan pelajar di dalam kelas.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Melugu Sri Aman, Sarawak dengan melibatkan guru kelas, guru yang mengajar kelas tersebut dan pelajar yang terdapat di sekolah kajian. Penemuan kajian ini berasaskan kajian kes dengan kaedah kualitatif berdasarkan persampelan bertujuan menggunakan kaedah temu bual mendalam, pemerhatian turut serta dan soal selidik. Aspek-aspek kajian hanya melibatkan empat orang pelajar lelaki dan empat orang pelajar perempuan dalam kelas tingkatan 4 Ikhlas serta guru kelas dan guru-guru matapelajaran di dalam kelas 4 Ikhlas. Kajian ini hanya meliputi pengenalpastian jenis dan punca devian yang dilakukan oleh pelajar di dalam kelas dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual terhadap responden yang dikaji serta temubual bersama guru kelas dan guru

matapelajaran kelas tersebut bagi mengenal pasti pendekatan yang sesuai untuk menangani masalah devian pelajar di dalam kelas.

Secara umumnya seperti kajian yang lain, kajian ini mungkin dapat digeneralisasikan kepada guru dan sekolah menengah yang lain kerana jenis dan punca devian pelajar di dalam kelas mempunyai persamaannya. Namun begitu data dan maklumat yang mendalam telah dikumpul melalui kaedah kualitatif mengikut prosedur yang sistematik sebagaimana yang dihuraikan dalam bab 3. Pertimbangan-pertimbangan seperti bias pengkaji, kesahan dan kebolehpercayaan merupakan aspek yang diberikan penekanan untuk memperolehi data yang tepat.

1.10 Pendekatan Teori

Masalah tingkah laku devian dalam kalangan pelajar di sekolah adalah berkait rapat dengan tingkah laku yang diinterpretasikan oleh pelajar atas alasan-alasan tertentu. Dalam bidang kajian sosiologi tingkah laku sebegini dikategorikan sebagai tingkah laku menyimpang ataupun devian. Menurut Kai T. Erikson Kendall (2003), devian bersifat relatif. Sesuatu tingkah laku itu akan bersifat devian bergantung kepada penilaian kelompok masyarakatnya. Jika pelajar itu berada dalam lingkungan kawasan sekolah, peraturan disiplin yang terdapat di sekolah merupakan faktor penentu seseorang pelajar itu devian atau sebaliknya.

Perbincangan terhadap tingkah laku devian akan dibincangkan berdasarkan pelbagai pandangan mengikut teori yang dikemukakan oleh ahli sosiologi.

1.10.1 Teori Fungsionalisme

Berdasarkan teori fungsionalisme, masalah tingkah laku pelajar mempengaruhi kelicinan fungsinya dalam masyarakat (sekolah). dalam hal ini pada dasarnya teori fungsionalisme memfokuskan kepada kestabilan sosial dan cara bagaimana setiap anggota masyarakat memberi makna kepada kelompok masyarakatnya. Menurut ahli sosiologi Emile Durkheim dalam Kendall (2003), percaya masalah devian tercetus akibat perubahan sosial yang berlaku terlalu pantas dan juga kurangnya integrasi sosial dalam masyarakat. Pada pandangannya, jika integrasi sosial berkurangan maka masalah devian dan jenayah akan meningkat. Namun begitu, Durkheim percaya devian juga mempunyai fungsi sosial yang positif berdasarkan kepentingannya yang tertentu.

Teori fungsionalisme ini adalah teori mengenai perubahan sosial sama ada individu itu sendiri mahupun sebuah masyarakat. Dalam konteks kajian ini, teori ini dapat dikaitkan dengan masalah yang dikaji dimana penyelidik melihat hubungan teori ini sebagai bagaimana seseorang pelajar itu berfungsi di dalam kelas atas faktor-faktor perubahan sosial yang diterimanya. Dalam teori fungsionalisme ini secara ringkasnya melihat bagaimana struktur (pelajar) berfungsi dan berhubung dengan struktur-struktur yang lain (rakan, guru, persekitaran kelas) mengikut peraturan-peraturan untuk mencapai keseimbangan dalam sistem sosial.

Untuk melihat kesan struktur sosial, Merton (1957) telah membezakan antara apa yang dikenali sebagai fungsi ketara dan fungsi tersembunyi. Fungsi ketara adalah sesuatu yang diketahui dan dikehendaki dalam aktiviti sosial tertentu. Fungsi tersembunyi pula merupakan sesuatu yang tidak disedari atau tidak dijangkakan. Sekiranya sesuatu hasil struktur adalah merupakan apa yang dikehendaki dan diiktiraf dalam sistem, ia telah menjalankan fungsi ketara. Sebaliknya sekiranya hasilan adalah sesuatu yang tidak dikehendaki atau dijangka maka jadilah ia fungsi tersembunyi.

Merton juga membezakan antara fungsi dan disfungsi. Kesan-kesan positif daripada struktur sosial bermakna sistem itu telah berfungsi (fungsi) sementara hasilan yang negatif bermaksud struktur telah berdisfungsi (disfungsi). Disfungsi juga merangkumi aspek-aspek aktiviti sosial yang cenderung untuk menghasilkan perubahan kerana ia mengancam ikatan sosial.

Perkaitan teori ini dalam kajian yang akan dilakukan adalah, bagaimana pelajar itu berfungsi di dalam kelas sebagai satu kumpulan sebuah kelas. Bagaimana interaksi-interaksi yang berlaku adakah berlaku secara positif ataupun negatif. Maka disini devian dilakukan oleh pelajar merupakan fungsi yang disfungsi yang berlaku terhadap mereka. disfungsi ini menyebabkan pelajar cenderung melakukan perilaku yang bertentangan dengan peraturan sekolah. Berdasarkan teori ini penyelidik dapat mengenalpasti punca tingkah laku devian dalam kalangan pelajar dan seterusnya berusaha untuk mengenal pasti pendekatan yang sesuai untuk menanganinya. Amir Hasan Dawi (2009)


1.10.2 Teori Interaksionalisme simbolik

Teori ini menegaskan devian adalah sebagai hasil interaksi dengan orang lain. Devian adalah binaan sosial dan tingkah laku devian sebenarnya dipelajari. Teori ini juga melihat devian sebagai sesuatu yang subjektif dan merupakan suatu proses sosial. Pelajar sengaja memilih tingkah laku tertentu mengikut kemahuan mereka yang sesuai dengan cara mereka menginterpretasikan sesuatu situasi. Misalnya dalam interaksi bilik kelas, interpretasi pelajar yang guru mereka tidak adil boleh menyebabkan mereka melakukan devian. Begitu juga jika murid menginterpretasikan yang kawalan guru lemah, maka mereka mungkin akan membuat bising dalam bilik kelas. Kajian Tattum (1986) dalam buku Amir Hasan Dawi (2009) mendapati bahawa pelajar sengaja melakukan devian sebagai teknik neutralisasi dalam interaksi mereka. menurutnya terdapat lima sebab mengapa mereka berkelakuan devian iaitu disebabkan kesalahan guru yang gagal berperanan dalam bilik kelas, sikap guru yang tidak menghormati pelajar, ketidakadilan dan ketidakseragaman guru dalam penguatkuasaan peraturan, mereka suka-suka atau bergurau dan mereka menyalahkan sistem sekolah.

Berdasarkan kepada teori interaksionalisme simbolik ini, perkaitan masalah yang dikaji adalah bersesuaian kerana pelajar yang bertingkah laku devian adalah disebabkan proses sosial yang devian dipelajari oleh mereka. Ini kerana bagaimana bentuk proses sosial yang mereka alami dalam sosialisasi akan menentukan tingkah laku yang bakal dijelmakan. Sekiranya proses sosial

yang positif di alami maka positiflah tingkah laku dijemakan. Sekiranya proses sosial yang negatif di alami maka tingkah laku devian yang akan dijemakan. Namun demikian bagi memastikan pelajar menampilkan sesuatu tingkah laku yang baik maka teori ini amat bersesuaian digunakan untuk memastikan tingkah laku devian dalam kalangan pelajar dapat dibendung ataupun dikurangkan.

1.11 Kerangka Kajian



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka teori dan konsep di atas adalah dicipta oleh penyelidik sendiri yang menunjukkan proses penyelidikan dilakukan dan perkaitannya dengan teori yang mendasari kajian tersebut. Berdasarkan kerangka tersebut, daripada masalah yang hendak dikaji mulanya penyelidik akan mengenal pasti jenis-jenis devian yang berlaku di dalam kelas dengan menganalisis dokumen data disiplin terlebih dahulu untuk mengenal pasti jenis devian yang berlaku dalam kalangan pelajar. Teknik pemerhatian juga digunakan untuk memerhatikan jenis tingkah laku devian pelajar di dalam kelas yang dikaji. Bagi mengenal pasti jenis-jenis tingkah laku devian pelajar di dalam kelas juga saya membuat temubual tidak berstruktur bersama guru sebagai responden. Setelah mengenal pasti jenis-jenis devian penyelidik akan mengenal pasti punca-punca devian dengan menggunakan teknik temubual semi berstruktur kepada pelajar dan guru yang mengajar di dalam kelas dikaji mengapa mereka bertingkah laku sedemikian. Pemerhatian juga digunakan untuk memastikan kesahan punca yang diperolehi daripada temubual tadi. Setelah mengenal pasti jenis-jenis tingkah laku devian dan punca-punca tingkah laku devian penyelidik akan membuat temu bual semi berstruktur bersama responden (guru) untuk mengenal pasti pendekatan yang boleh digunakan untuk menangani masalah tingkah laku devian di dalam kelas. Selain itu analisis dokumen kajian lepas yang mempunyai pendekatan menangani masalah tingkah laku devian sebagai di antara cara untuk menanganinya sekiranya sesuai dengan situasi sekolah dikaji.

Penyelidikan yang dilakukan ini didasari oleh dua teori iaitu teori fungsionalisme dan teori interaksionalisme simbolik. Teori fungsionalisme ini dapat dikaitkan dengan penyelidikan ini kerana penyelidik akan melihat bagaimana struktur (pelajar) itu berfungsi sebagai satu masyarakat atau sebahagian organisasi sekolah.

Sekiranya tingkah laku yang ditunjukkan oleh pelajar bertentangan dengan peraturan sekolah, maka fungsi pelajar telah berdisfungsi. Teori interaksionalisme simbolik pula, penyelidik melihat bagaimana interaksi pelajar dengan pelajar, pelajar dengan guru dalam proses pdp di dalam kelas. Berdasarkan teori interaksionalisme simbolik, interaksi pelajar bergantung kepada proses sosial yang dialami oleh mereka semasa bersosialisasi di dalam kelas. Sekiranya proses sosial itu negatif maka tingkah laku yang dijelmakan oleh pelajar turut negatif. Begitu juga sebaliknya.

Berdasarkan kepada kerangka kajian yang disediakan, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang tingkah laku devian dalam kalangan pelajar sekolah menengah tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Melugu Sri Aman Sarawak.

Kajian ini terbahagi kepada 3 fasa. Kajian mengenai Tingkah laku devian dalam kalangan pelajar sekolah menengah pada fasa pertama penyelidik akan mengenalpasti jenis-jenis devian yang dilakukan oleh pelajar di dalam kelas dengan menggunakan teknik analisis dokumen iaitu data maklumat dari ketua guru disiplin sekolah. selain itu pemerhatian dilakukan keatas responden yang telah dipilih bagi mengenal pasti tingkah laku devian yang pelajar lakukan. Bagi mengukuhkan lagi maklumat ini teknik temubual berstruktur dengan responden (guru) bagi mendapat jawapan kepada tingkah laku devian yang pelajar lakukan. Dalam fasa ini penyelidik dapat melihat hubungkaitnya teori fungsionalisme bagi melihat tingkah laku pelajar di dalam kelas. Penyelidik dapat melihat bagaimana pelajar berfungsi dengan rakan yang ada di dalam kelas samada tingkah laku positif (fungsi) ataupun negatif (disfungsi) .

Fasa kedua pula penyelidik akan mengenalpasti punca-punca tingkah laku devian yang dilakukan oleh pelajar di dalam kelas. Pada fasa ini bagi mendapatkan

maklumat tersebut, teknik temubual berstruktur kepada responden (pelajar) dan (guru) digunakan bagi mendapatkan maklumat daripada responden dengan lebih terbuka. Dalam fasa ini kita dapat melihat perkaitan teori fungsionalisme, bagaimana pelajar bertingkah laku dalam kumpulan sosialnya di dalam kelas. Atas tindakan pelajar bertingkah laku devian penyelidik dapat melihat bagaimana teori interaksionalisme simbolik itu berfungsi dalam masalah yang dikaji.

Fasa ketiga pula penyelidik akan mengenal pasti pendekatan-pendekatan yang sesuai digunakan untuk menangani masalah devian dalam kalangan pelajar dengan menggunakan teknik temubual tidak berstruktur kepada guru. Dalam fasa ini penyelidik dapat melihat teori fungsionalisme itu ada perkaitannya dengan fungsi guru sebagai pendidik berfungsi dalam menentukan pendekatan-pendekatan yang sesuai untuk menangani masalah tingkah laku devian dalam kalangan pelajar semakin menular. Oleh itu penyelidik akan dapat melihat bahawa teori fungsionalisme itu berfungsi sebagai fungsi yang positif dan seterusnya dapat mengurangkan masalah tingkah laku devian dalam kalangan pelajar di sekolah. Teori interaksionalisme simbolik juga dapat dilihat dalam proses sosial yang positif dapat dibentuk supaya proses sosial yang positif itu dapat mewujudkan suatu tingkah laku yang positif di kalangan pelajar semasa pdp mahupun bilik kelas.

1.12 Rumusan

Keprihatinan dan amanat yang digalas dibahu pengurusan sekolah iaitu pengetua dan guru khususnya memainkan peranan yang penting dalam membentuk budaya sekolah yang cemerlang. Sebuah sekolah yang mempunyai budaya yang

cemerlang dari segi disiplin, sahsiah, akademik dan kokurikulum secara tidak langsung dapat menerapkan budaya tersebut dalam kalangan pelajar di sekolah. justeru itu pelajar merasakan sekolah satu tempat yang menarik dan seronok untuk datang kerana setiap keinginan mereka dari segi emosi, nilai dan moral dapat dipenuhi dalam bersosialisasi. Inisiatif yang sentiasa untuk memulihkan tingkah laku pelajar yang bertentangan dengan peraturan sekolah hingga menimbulkan masalah devian amatlah digalakan agar sekolah dapat melahirkan insan pelajar yang berguna di masa hadapan.